

# Meski hadapi pelbagai cabaran, siswazah harus orak langkah ke hadapan

Dorongan dan galakan disuarakan  
Presiden NUS  
di Majlis Konvokesyen NUS

►SHAHIDA SARHID  
sshahida@sph.com.sg

RASA bimbang dalam kalangan siswazah berhubung ketidaktentuan sekitaran ekonomi ditengah-tengah gangguan terhadap pekerjaan dan kerjaya disebabkan Revolusi Industri keempat, ketegangan politik dan kesan perubahan iklim, memang sesuatu yang boleh difahami.

Meskipun cabaran ini tidak boleh dipandang rendah, tetapi adalah penting untuk siswazah terus mengorak langkah ke hadapan, tekan Presiden Universiti Nasional Singapura (NUS), Profesor Tan Eng Chye.

Menerangkan, Profesor Tan berkata perlu untuk siswazah terus membangunkan diri mereka sama ada di peringkat peribadi atau profesional, selain menyumbang secara aktif dan murah hati terhadap kesejahteraan orang lain.

“Kita memegang kunci terhadap kemakmuran dan kesejahteraan kita bersama, tidak kira secara individu maupun kolektif.

“Timbangkan pilihan anda sebaik mungkin dan ambil langkah ke hadapan seterusnya dengan kesungguhan untuk melakukan yang terbaik,” katanya.

Berucap semasa Majlis Konvokesyen NUS di Pusat Budaya Universiti (UCC), semalam, Profesor Tan turut mengumumkan bahawa Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif Ho Bee Group, Encik Chuan Thian Poh, telah dianugerahkan dengan anugerah Doktor Kehormat (Doctor of Letters).

Dalam ucapannya, Profesor Tan telah menyentuh tentang cabaran dan kegagalan yang dialami Encik Chuan sepanjang perjalannya menjadi usahawan, termasuk pengalaman kerugian jutaan dolar.

Menurutnya, Encik Chua yang merupakan anak ketujuh kepada pembina tongkang, meninggalkan sekolah pada usia 16 tahun untuk bekerja dengan bapanya, sebelum memulakan kerjayanya sendiri.

Encik Chua berjaya meraih jutanya yang pertama membangunkan projek harta tanah berskala kecil dengan teman-temannya pada usia 21 tahun.

Tetapi perniagaan itu gagal dan beliau dibebani hutang lebih-lebih lagi apabila berlakunya krisis ekonomi.

Bagaimanapun, beliau, kata Profesor Tan, tidak gentar dan sebaliknya berpindah ke Indonesia pada tahun 1970-an untuk melibatkan diri dalam urusan import-eksport.

Namun beliau kerugian jutaan dolar selepas penurunan nilai mata wang rupiah Indonesia pada 1978.

“Meski mengalami kegagalan demi kegagalan, ia tidak sedikit pun menghambat Encik Chua.

“Malah beliau kembali ke Singapura dan memulakan kumpulan syarikat Ho Bee Group.

“Kumpulan itu kemudian menjadi syarikat pembangunan dan pelaburan harta tanah berjaya, yang memimpin projek-projek utama di Singapura, Australia, China, United Kingdom dan Eropah,” kongsinya.



**SUMBANGAN MELUAS:** Presiden Halimah Yacob yang juga Canselor NUS telah menganugerahkan Doktor Kehormat kepada pengasas dan CEO Ho Bee Group, Encik Chua Thian Poh, atas sumbangannya kepada masyarakat serta kemajuannya dalam meraih ilmu dan pengetahuan, yang telah memberi manfaat kepada Singapura. – Foto CMG

Presiden Halimah Yacob, yang juga Canselor NUS, dan mempergerusikan majlis konvokesyen utama itu, telah diundang untuk menyampaikan anugerah berprestij tersebut.

Penganugerahan itu diberikan sebagai mengiktiraf sumbangaan meluas Encik Chuan kepada masyarakat dan kemajuannya dalam meningkatkan ilmu dan pengetahuan, yang

telah memanfaatkan Singapura dan masyarakat lain.

Memberikan nasihatnya, Encik Chuan menggesa siswazah muda yang hadir dalam majlis konvokesyen itu untuk terus mengharungi segala cabaran dan tidak putus asa.

“Bersedia untuk keluar dari zon selesa dan luaskan pengalaman anda. Saya seseorang yang percaya bahawa pendidikan baik

yang anda terima, akan membantu membuka lebih banyak pintu peluang.

“Anda harus bersedia untuk berdepan dengan cabaran dan merebutnya apabila ia hadir di hadapan anda kelak,” nasihatnya.

Tahun ini, NUS meraikan pencapaian lebih 11,000 siswazah dengan sejumlah 24 majlis konvokesyen bakal dijalankan di UCC NUS sepanjang lapan hari bermula semalam.